

## SOROTAN AWAL KONSEP MONOTEISME YAHUDI

Nurhanisah Binte Senin<sup>1</sup>, Mustafa Kamal bin Amat Misra<sup>1</sup> &  
Nazneen Binti Ismail<sup>1</sup>

### ABSTRAK

#### **E-JITU**

Acceptance date:

1<sup>st</sup> October 2021

Valuation date:

15<sup>th</sup> October 2021

Publication date:

23<sup>rd</sup> November 2021

*Konotasi monoteisme walaupun merujuk kepada penyembahan Tuhan yang satu, namun sebaliknya ia membawa pemahaman yang berbeza kepada masyarakat beragama terutamanya bagi tiga agama semitik Yahudi, Kristian dan Islam. Justeru, penulisan bertujuan untuk menjelaskan konsep monoteisme Yahudi berdasarkan sejarah perkembangan ajaran Yahudi menerusi analisis yang dibuat terhadap karya sarjana Barat yang membincangkan berkaitan ketuhanan Yahudi. Hasil daripada pendapat sarjana biblikal dan ahli sejarawan menunjukkan konsep monoteisme Yahudi boleh dikategorikan kepada dua bahagian iaitu evolusi dan revolusi. Evolusi meletakkan monoteisme hanya bermula pada akhir pemusnahan haikal kedua. Manakala revolusi meletakkan monoteisme sejak awal pengajaran Nabi Musa kepada Bani Israel. Implikasinya, evolusi menafikan monoteisme kepada ajaran Yahudi sebaliknya meletakkan monolatral dan henoteisme lebih sesuai kepada ajaran Yahudi. Manakala revolusi monoteisme pula dipolemikkan kerana menyebabkan percanggahan dan sifat opresif antara agama. Kesimpulannya, sifat evolusi monoteisme yang berbentuk monolatral tidak sepatutnya menafikan asal agama Nabi Musa yang bersifat monoteistik sehingga meletakkannya bermula pada tahap politeisme. Akan tetapi penyembahan Tuhan lain seharusnya dianggap sebagai suatu penyimpangan daripada ajaran asal.*

Kata kunci: Monoteisme; Yahudi; Tuhan; Evolusi; Revolusi; Monolatri

---

<sup>1</sup> Pensyarah Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Email nurhanisahsenin@gmail.com.

<sup>1</sup> Pensyarah Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti.

<sup>1</sup> Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Pensyarah Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

**PRELIMINARY ANALYSIS ON THE JEWISH CONCEPT OF  
MONOTHEISM**

**ABSTRACT**

*Despite the connotation of monotheism denotes worshipping one God, it nevertheless advocates different understanding among believers of Jews, Christians and Muslims. Thus, this paper aims to deliberate the concept of Jewish monotheism based on the development of Jewish history through analyzing Western scholars' writings on Jewish God. According to the biblical and historical scholars, the concept of monotheism in Judaism can be categorized into two parts; evolution and revolution. The evolution period of monotheism only began after the second abolishment of the temple. Whereas the revolution period of monotheism has begun since the period of Moses. As a result, the evolution repudiates the real teaching of monotheism and instead posits the concept of monolatral and henotheism in describing Judaism. On the other hand, the revolutionized monotheism is being polemicized as it entails divergence between religion. In sum, monotheistic evolutionary which possess monolatral elements should have not denied the original monotheistic of Mosaic teaching. Infact, worshipping of other gods should be considered as contrary to the original belief.*

*Keyword: Monotheism, Judaism, God, Evolution, Revolution, Monolatry*

**PENDAHULUAN**

Mono secara literal membawa maksud satu atau tunggal (Noresah Baharom, 2007) yang berasal dari istilah Yunani. Manakala 'teisme' pula terbentuk dari dua perkataan *theo* dan *ism*. *Theo* (Yunani: *theos*) merujuk kepada maksud Tuhan (Reese, 1980) dan *ism* (Yunani: *ismos*) pula membawa konotasi ideologi. Di sini haruslah diberi perhatian bahawa *theism* dan *deism* membawa maksud yang berbeza. Dalam konsep *deism*, Tuhan dianggap sebagai pencipta-Tuhan (*Creator God*), *Prime Mover*, *First Cause* yang menciptakan semua kejadian dan setelah kerjanya selesai ia akan memisahkan dirinya daripada kerjanya dan tidak mahu dikaitkan atau ambil peduli kepada ciptaannya itu. *Deity* dengan *theo* menurut pemahaman agama, budaya ahli falsafah hanyalah kepada mekanikal sahaja dengan menganggap Tuhannya itu tidak responsif. Adapun moneteisme adalah agama yang mementingkan hubungan dua hala yang aktif antara Tuhan dan juga hambaNya di mana hambaNya dapat meminta pertolongan, perlindungan tidak kira apa sahaja keperluan serta kondisinya. Oleh itu, yang bergelar *theo* adalah Tuhan kepada umat semua manusia dan yang demikian itu konsep monoteisme yang absolut memerlukan manusia untuk mempunyai akses kepada Tuhan mereka pada bila-bila masa (Kamar Oniah, 2003).

Justeru, monoteisme membawa maksud secara keseluruhan sebagai konsep kepercayaan penyembahan Tuhan yang satu. Ianya jelas berbeza daripada konsep monisme dan politeisme. Monisme membawa pengertian penyatuan dalam satu keberadaan atau hakikat (reality). Ianya sering dikaitkan dengan ajaran mistik (mysticism) dalam agama-agama apabila terdapat kepercayaan inkarnasi roh (Lindsay Jones, 2005). Adapun politeisme adalah Sistem kepercayaan Tuhan yang menyeru kepada penyembahan banyak Tuhan. Poly membawa erti berbilang. Kepercayaan manusia pada zaman Greek dan Romawi juga tergolong dalam politeisme di mana mereka mempercayai keterbilangan dewa. Namun ianya amat berkait rapat dengan henoteisme iaitu sistem kepercayaan kepada Tuhan yang satu akan tetapi pada masa yang sama mengiktiraf penyembahan Tuhan lain atas landasan kebenaran yang sama dan monolatri iaitu sistem kepercayaan kepada Tuhan yang satu secara konsisten dalam masa yang sama akur kepada kewujudan Tuhan lain tetapi kebenaran hanyalah satu sahaja.

Terdapat pelbagai pendapat dalam asal usul sebenar monoteisme di antaranya adalah seperti pendapat Reese di mana monoteisme merujuk kepada penyembahan Akhenaten salah seorang Firaun kepada Tuhan matahari yang dikenali sebagai Amun. Ada juga yang berpendapat ianya berasal daripada Musa (Reese, 1980). Pada hakikatnya, terma monoteisme muncul pada tahun 1680 yang digunakan oleh Henry More (1614-1687). Faktor kemunculannya adalah berikutan mempertahankan agama Kristian daripada agama-agama lain dan terutamanya ajaran Yahudi. Terma monoteisme pada asalnya lebih banyak dijulukkan kepada Kristian Unitarian (Schneider, 2008). Unitarian di sini bukanlah seperti yang biasa difahami iaitu pecahan Kristian yang menyembah satu Tuhan dan menganggap Jesus sebagai Nabi. Akan tetapi ianya lebih kepada penyembahan Tuhan sebagai pencipta alam. Walaupun More melabelkan golongan ini dengan panteisme kerana beliau menganggap golongan ini menyatukan roh Tuhan dan alam namun ianya lebih kepada gnostisme di mana mengenali Tuhan menerusi metafizika alam.

Untuk memahami dengan lebih baik konsep monoteisme More, pencerahan terhadap tipologi agama menurut More pada waktu sebelum Christ haruslah dirujuk dalam bukunya *An Explanation of The Grand Mystery of Godliness* di mana beliau membahagikannya kepada lima kumpulan utama. Pertama ialah politeisme. Oleh kerana penyembahan Tuhan yang banyak tidak selari dengan definisi Tuhan sebagai '*Supreme Spirit*' (roh yang tertinggi), More menganggap mereka sebagai Ateis. Kedua, terdapat golongan yang menyembah matahari sahaja. Ketiga adalah panteisme di mana terma monoteisme ini disebutkan seperti berikut:

*“To make the World God, is to make no God at all: and therefore this kind of Monotheism of the Heathen is as rank as Atheism as their Polytheism was proved to be before.” (More, 1660: 62)*

Di sini dapat dilihat bahawa More meletakkan monoteisme sebaris dengan ateisme dan politeisme. More berpendapat bahawa kewujudan Tuhan sebagai roh berkait rapat dengan kewujudan Pencipta bumi. Keempat, penyembahan kepada Roh yang kekal yang mempunyai nama dan sifat. Penyembahan dilakukan menerusi penyembahan patung. Ianya adalah modifikasi penyembahan pagan yang telah diperhalusi. Menurut More, konsep penyembahan ini adalah lebih baik daripada penyembahan politeisme atau ateisme, matahari dan panteisme/monoteisme. Kelima, ajaran Yahudi yang dianggap sebagai terlalu obses dengan perayaan. Ianya dianggap dekat dengan Christ kerana diwahyukan oleh Tuhan kepada Musa. Perbezaannya hanyalah ianya tidak mempunyai sebarang penyembahan patung seperti Christ (MacDonald, 2004).

Seterusnya, terma monoteisme dikesan terdapat dalam penulisan Henry Rowland *Mona Antiqua* pada tahun 1723. Terma monoteisme di dalamnya merujuk kepada *Druids of Anglesey* yang merupakan kumpulan paderi Britian, Ireland dan France pada zaman besi (Schneider, 2008). Mereka didapati menganut kepercayaan monoteisme yang mempunyai perkaitan dengan Nuh apabila bangsa Phoenicia yang datang ke Britian merupakan keturunan Nabi Nuh seperti yang terbukti diukir di atas batu sama seperti di Palestine dan Syria. Ianya juga didapati sama dengan apa yang terdapat dalam Pentateuch (Torah) (Sweet, 2004). Kemudian ianya digunakan oleh T. Cogan yang merujuk monoteisme kepada ajaran Yahudi dalam bukunya *Jewish Dispensation* pada tahun 1812 (Schneider, 2008).

Konsep monoteisme yang membawa konotasi ‘satu Tuhan’ mula dikembangkan sejak dari itu. Oleh yang demikian kebanyakan penulisan sehingga hari ini merujuk kepada monoteisme Israel iaitu istilah yang digunakan sejak zaman Nabi Ya’kub sebagai bapa bangsa Israel. Walaupun monoteisme merujuk kepada konotasi ‘satu Tuhan’ tidak hairan lagi mengapa ianya dinisbahkan juga kepada agama Kristian. Walaupun pada asalnya More tidak merujuk Kristian sebagai monoteisme akan tetapi dengan susur galur agama Israel, Kristian tidak terlepas daripada mendapat jolokan sebagai agama monoteisme selain Yahudi dan Islam.

Justeru, penulisan ini bertujuan mengupas perkembangan sejarah konsep ketuhanan monoteistik Yahudi. Kupasan konsep monoteisme ini memfokuskan kepada penulisan-penulisan sarjana Barat berkaitan asal usul konsep monoteisme dalam ajaran Yahudi berdasarkan perkembangan sosio-budaya masyarakat terdahulu. Konsep monoteisme menjadi polemik apabila ianya difahami daripada

konsep evolusi agama yang akhirnya memberi implikasi yang negatif terhadap doktrin agama.

### **POLEMIK MONOTEISME**

Konsep monoteisme yang pada dasarnya dilihat sebagai konsep ketuhanan yang mudah dan jelas menjadi satu isu yang hangat diperdebatkan di kalangan sarjana Barat khususnya apabila persoalan transcendental universal truth dibahaskan. Akhirnya, ianya membawa kepada beberapa implikasi negatif terhadap umat beragama.

Sigmund Freud dan Jan Assmann adalah antara sarjana yang tersohor menafikan konsep monoteisme berasal daripada ajaran Yahudi. Freud dari aspek psikologi menolak kenyataan bahawa Nabi Musa merupakan pembawa asal agama monoteisme terhadap kaum Yahudi dengan hujah Nabi Musa berbangsa Mesir (bukan berketurunan Yahudi) dan mengatakan bahawa monoteisme asalnya adalah daripada Akhnaten, salah seorang Firaun Mesir yang menyeru kepada penyembahan Tuhan yang satu (Hyatt, 1940). Jan Assmann (1997), sarjana Jerman yang anti-semitik dan penulisannya terkesan dengan peristiwa holocaust, seperti yang dinukilkan di dalam bukunya *Moses the Egyptian: The Memory of Egypt in Western Monotheism* mempunyai pendapat yang sama dengan Freud. Sebagai pakar dalam disiplin Mesir purba (egyptology), Jan Assmann juga menganggap bahawa Nabi Musa bukanlah pembawa asal agama monoteisme sebenar kerana ajaran monoteisme hanya lahir setelah kewafatan Nabi Musa. Menurut Zeliza Slavetd (2010) dalam ulasannya terhadap buku Jan Assmann (2010), *The Price of Monotheism* mengatakan beliau menolak idea monoteisme yang padanya merupakan sumber kebencian, keganasan dan perbezaan dalam agama, Assmann melihat konsep monoteisme dan politeisme dari sudut struktur budaya di mana politeisme memainkan peranan utama sebagai penterjemah budaya manakala monoteisme sebagai sesuatu yang mengasingkan dan membezakan. Menurutnya lagi, dengan kemunculan monoteisme dalam dunia purba, maka muncullah perbezaan di antara kebenaran dan kebatilan dalam agama yang mendesak kepada perbezaan dalam pendefinisian antara Yahudi dan Gentile (bukan Yahudi), Kristian dan paganisme serta Islam dan kafir. Permasalahan dari perbezaan ini timbul bukan kerana konsep kesatuan dalam agama ataupun perbezaan di antara manusia akan tetapi kerana kecaman hebat terhadap kebenaran agama dan penganut mereka.

Di antaranya juga adalah perpecahan di kalangan penganut agama berlaku apabila monoteisme hanya mengakui kesucian ataupun kewujudan satu Tuhan sahaja. Monoteisme sebagai kepercayaan kepada satu Tuhan seolah-olah nampak mudah kecuali apabila persoalan apa yang dimaksudkan dengan Tuhan timbul ianya menjadi rumit. Selain itu ianya juga menimbulkan kekeliruan epistemologi

dan doktrin dalam kalangan ahli teologi yang sentiasa cuba menghadkan konsep monoteisme supaya kekal relevan dengan agama masing-masing (Smith, 2001).

Monoteisme yang mengalami revolusi di mana ianya membawa kepada kesan negatif dan perdebatan antara agama kerana konsep monoteisme ini membezakan antara yang benar dan salah dan antara Tuhan yang patut disembah dan sebaliknya. Akhenatan (1360SM-1340SM) di Mesir dianggap sebagai yang memulakan revolusi tersebut dengan melarang daripada meletakkan imej kepada Tuhan dan menafikan kewujudan Tuhan lain kecuali satu Tuhan sahaja. Rumah ibadat ditutup, puak-puak dimansuhkan, gambar-gambar dimusnahkan dan nama-nama dipadamkan. Revolusi monoteisme turut menyumbang kepada kekejaman. Selain itu, ianya juga memutuskan perhubungannya dengan kosmoteisme (merujuk kepada penganut politeisme yang banyak menyembah benda-benda semula jadi yang disebut juga sebagai aminisme) dengan adanya kitab suci yang dianggap wahyu dari Tuhan dan ianya menentukan budaya kehidupan penganutnya. Kesan daripada membezakan di antara benar dan salah, revolusi monoteisme juga melahirkan konsep dosa, syirik dan konsep pagan yang dianggap salah. Ianya juga membawa kepada keadilan dari sudut teologi kerana adanya kodifikasi dari kitab yang diturunkan Tuhan. Manakala evolusi monoteisme dianggap sebagai tidak bersistematik (Assmann, 2004).

R. M. Schwartz di dalam bukunya *The Curse of Cain: The Violent Legacy of Monotheism*, berpendapat bahawa monoteisme bukanlah bersifat opresif akan tetapi keistimewaan sesebuah agama ke atas agama lain menyebabkan ianya berbahaya dan membawa kepada penggansan dan pembunuhan (Clements, 2007). Monoteisme yang bersifat eksklusif yang akan membawa kepada keganasan seperti yang dibawakan oleh Schwartz. Dalam memperkatakan tentang monoteisme dalam Islam, Nancy Roberts (2011) membahaskannya secara komparatif dengan konsep Trinitas Kristian yang menurutnya turut diperakui sebagai agama monoteisme. Beliau mengulas tentang kekukuhan serta kejelasan asas monoteisme Islam yang menarik minat penganut agama lain termasuk agama Kristian Terdapat juga pengkaji yang bersependapat dengan Schuon dalam mengaitkan konsep monoteisme dengan konsep pluralisme. Jean-Luc Nancy (2004) dalam artikelnya 'The War of Monotheism: On the Inability of Civilization to Expand: The West Battles against Itself' menganggap monoteisme membawa kepada peperangan dan perpecahan tamadun timur dan barat apabila masing-masing cuba memberikan definisi kepada konsep universalisme yang terangkum dalam konsep monoteisme. Menurutnya lagi, peperangan hanya dapat dihentikan apabila transformasi tamadun dapat dilakukan dan ianya menuntut kepada pemahaman yang sama dalam kebenaran yang mutlak.

Menurut Mark S. Smith pula, konsep monoteisme memperlihatkan kesedaran kepada penganut agama Judeo-Christianity terhadap kemodenan yang

menerima konsep monoteisme sebagai konsep yang lebih bertamadun berbanding dengan konsep politeisme yang mereka anuti sejak berkurun lamanya. Menurutnya lagi, pihak barat beralih pandangan ke arah timur (khususnya agama Islam) dalam membuktikan agama mereka sebagai agama yang bertamadun dengan mengiktiraf agama mereka sebagai monoteis. Konsep monoteisme telah menyumbang dalam menyatukan penganut-penganut agama Barat terutamanya mereka yang terkesan dengan sekularisme (asalnya beragama Kristian) dengan melihat aspek monoteisme sebagai ‘agama sivil’ yang dianggap lebih bertamadun dan dipandang tinggi. Di sini, monoteisme dilihat sebagai penyumbang kepada penyatuan dan suatu konsep keagamaan yang sejajar dengan logik akal berbanding doktrin Kristian yang asal. Pada satu aspek yang lain pula monoteisme dilihat memberi impak yang negatif kepada masyarakat dunia apabila sesetengah sarjana menganggap monoteisme membawa kepada peperangan apabila setiap masyarakat agama mengiktiraf agama mereka sebagai satu-satunya agama yang benar dan menafikan agama lain (Smith, 2001).

Monoteisme juga memainkan peranan penting dalam kolonisasi dalam memberikan perspektif yang berbeza kepada manusia umumnya bahawa mereka yang bukan monoteis dianggap sebagai masyarakat yang mundur. Kerangka ideologi Kristian yang menyebarkan kepercayaan hanya kasih sayang Tuhan yang satu menerusi Jesus Christ yang akan dapat menyelamatkan manusia daripada kehidupan yang tidak bertamadun. Begitulah terbentuknya doktrin ketuhanan Kristian yang menjadi monoteistik walaupun pada dasarnya mempercayai doktri Trinita (Schneider, 2008). John Stuart Mill (1957) sendiri sebagai seorang ahli falsafah mendakwa bahawa monoteisme merupakan kepercayaan yang lebih tinggi kedudukannya daripada politeisme dari segi konsep agama semulajadi (natural religion) kerana ianya memerlukan daya intelektualiti yang agak besar sebelum sampai kepadanya. Beliau percaya dalam mempercayai Tuhan itu harus berdasarkan kepada konsep yang konsisten menerusi penemuan sains.

Pada hakikatnya, persoalan ‘zaman moden’ atau ‘agama bertamadun’ bukanlah persoalan pokok dalam kepercayaan monoteisme. Dari satu sudut monoteisme dilihat sebagai membawa kepada kemajuan. Namun begitu dari satu sudut yang lain ianya dilihat sebagai memecahbelahkan dan bersifat opresif. Hakikat ketuhanan monoteisme di barat dilihat sebagai seolah-olah ianya dipropagandakan mengikut agenda masing-masing. Namun, ianya harus juga dilihat sebagai satu fenomena yang baik dalam kehidupan beragama apabila seorang penganut itu cuba mencari jalan kebenaran dan keabsahan dalam agama masing-masing. Pun begitu, persoalan ketuhanan tidak seharusnya disandarkan kepada logik akal semata-mata. Sememangnya, ia harus diseirngkan dengan wahyu Tuhan melalui kitab suci.

**KONSEP MONOTEISME YAHUDI: BIBLIKAL DAN SEJARAH**

Konsep monoteisme Yahudi dari sudut Biblikal bertunjangkan dua ayat berikut di dalam Hebrew Bible yang menyatakan tentang keesaan Tuhan.

*“Dengarlah, hai orang Israel: **Tuhan** itu Allah kita,  
**Tuhan** itu esa!”*

*(Ulangan 6: 4)*

*“Hear, O Israel! The **Lord** is our God, the **Lord** alone”*

*(Deutronomy 6: 4)*

Ayat di atas ini merupakan shema penganut Yahudi yang boleh dianggap juga sebagai proklamasi kepercayaan dan doa yang dibacakan oleh penganut mereka setiap hari. Ayat asalnya adalah seperti berikut ‘Shema’ Yisreal Adonai Eloheinu Adonai Echad’ yang terdiri daripada enam perkataan. Perkataan yang menunjukkan Tuhan itu satu adalah perkataan Echad. Selain itu terdapat juga ayat lain seperti berikut:

*“Maka **Tuhan** akan menjadi Raja atas seluruh bumi;  
pada waktu itu **Tuhan** adalah satu-satunya dan  
namaNya adalah satu-satunya”*

*(Zakharia 14: 9)*

*“And the **Lord** shall be king over all the earth; in  
that day there shall be one **Lord** with one name”*

*(Zechariah 14: 9)*

Kedua-dua ayat di atas menekankan tentang keesaan Tuhan yang patut disembah oleh Bani Israel. Penggunaan ‘Tuhan’ dan ‘Lord’ seperti di atas adalah alihbahasa daripada perkataan YHWH yang dikenali sebagai *The Tetragrammaton* iaitu terma yang berasal daripada bahasa Yunani yang bermaksud ‘empat perkataan’ dan merujuk kepada penulisan nama Tuhan – YHWH. Ianya dijumpai di Mesha Stela (batu Moab) pada tempoh kedua dari kurun ke-9SM dan dijumpai juga di Khirbet al-Qum pada kurun ke-8SM. Cara menyebutnya telah hilang sejak Zaman Pertengahan di mana hanya para ahli agama sahaja yang dibenarkan untuk menyebutnya. YHWH biasanya digandingkan dengan Elohim, yang bermaksud Tuhan secara general. YHWH



dianggap sebagai nama yang terbaik bagi merujuk kepada Tuhan Bani Israel dan digunakan sebanyak 6000 kali di dalam Hebrew Bible (Byrne, 2011).

Namun begitu, perkataan ‘Tuhan’ dan ‘Lord’ digantikan juga dengan perkataan Adonai. Ianya mula digunakan setelah kehancuran temple kedua. Penyebutan Adonai adalah untuk mengelakkan daripada penganut ajaran Yahudi yang ingin memberi penghormatan kepada YHWH kerana perkataan YHWH dianggap sebagai terlalu suci dan menyebutkannya seolah-olah seperti tidak menghormati Tuhan (Byrne, 2011).

Adapun *Adonai* digunakan apabila ianya merujuk kepada Tuan sebagai pemilik. Dalam bahasa Ugarit, *and* bermaksud Tuan (*Lord*) atau Bapa (*Father*) dan dalam bahasa Akkadian (bahasa semitik yang berasal dari Mesopotamia dan Mesir Purba (barat laut) sekitar kurun ke 14-12SM) pula *adannu* bererti ‘yang berkuasa’. Adonai membawa maksud yang berbeza dalam teks Hebrew Bible yang boleh ditunjukkan kepada raja dan individu manusia lain. Namun dalam konteks ayat di atas, walaupun ianya datang dalam kata jama’, ianya tidak menjurus kepada pluraliti. Adapun ianya membawa maksud memberi kebesaran dan keagungan Tuhan. Sama juga halnya dengan perkataan *Elohim* yang merupakan kata jamak dari El bermaksud tuhan-tuhan secara literal. Namun begitu ianya dirujuk kepada Tuhan yang satu. Kata jamak itu lebih merujuk kepada keagungan Tuhan bukan kepada bilangan (Muhammad Adul Majid Lashin, 2009).

Perbahasan mengenai nama Tuhan dan asal usulnya memerlukan perbahasan yang lebih terperinci. Namun dalam membahaskan tentang *Shema* secara tuntasnya, kesucian dan keesaan Tuhan dapat dilihat dari kedua-dua ayat tersebut di mana YHWH dan *Adonai* merupakan nama yang merujuk kepada Tuhan Bani Israel.

Manakala dari sudut sejarah pula konsep monoteisme Yahudi banyak dibincangkan dalam kalangan sarjana antropologis dan historis. Kajian-kajian tersebut dilakukan dalam membuktikan kebenaran fakta biblikal. Ini adalah berikutan terdapatnya kontradiksi di antara ayat-ayat ketuhanan di dalam kitab Tanakh. Di dalam Tanakh sendiri terdapat ayat-ayat yang merujuk kepada Tuhan-tuhan lain selain YHWH. Terdapat juga ayat yang seolah-olah YHWH mempunyai pasangan. Yang demikian, konsep monoteisme Yahudi sememangnya banyak mendapat perhatian daripada sarjana Barat dalam mengkaji keesaan Tuhan YHWH yang sebenar.

Dalam membincangkan konsep monoteisme Yahudi, terdapat dua pembahagian yang disebutkan oleh para sarjana Barat. Pertama adalah pembahagian kepada *Rhetorical Monotheism* dan *Creational Monotheism*. Kedua

pula adalah *Evolutional Monotheism* dan *Revolutional Monotheism*. Pembahagian pertama kurang dibincangkan berbanding pembahagian kedua. Namun, pokok perbincangan kedua-dua pembahagian ini didapati tetap sama di mana kedua-duanya membincangkan samada monoteisme Yahudi merupakan monoteisme yang hakiki atau bersifat monolatri.

Menurut pembahagian pertama, monoteisme dibahagikan kepada dua kategori iaitu '*Rhetorical Monotheism*' dan '*Creational Monotheism*'. *Rhetorical Monotheism* membawa maksud monoteisme yang dibawa oleh penganut Yahudi dalam membezakan ajaran Yahudi dan Tuhan mereka yang satu daripada tuhan-tuhan lain. Walaubagaimanapun, konsep ini bukanlah sesuatu yang khusus kepada Yahudi sahaja akan tetapi konsep monoteisme ini membawa konotasi 'satu Tuhan' demi untuk membezakan ajaran Yahudi dengan lainnya. Manakala *Creational Monotheism* pula membawa maksud monoteisme yang berdasarkan kepada Tuhan sebagai pencipta menafikan deisme, panteisme dan Gnostisisme. Akan tetapi persoalannya samada monoteisme menghapuskan henoteisme. McGrath (2009) berpendapat secara ontologi (ciri sesebuah realiti) ianya membezakan Tuhan pencipta dengan lainnya akan tetapi ianya setentunya tidak menjadikan konsep Tuhan itu unik kerana penganut Yahudi masih lagi mengiktiraf Tuhan lain yang sezaman dengan Yahweh.

Pembahagian kedua pula boleh dikategorikan kepada evolusi dan revolusi. Evolusi yang bermaksud perkembangan atau perubahan secara beransur-ansur. Manakala revolusi pula bermaksud perubahan yang menyeluruh dari segi berfikir dan bertindak.

### **Evolusi**

Konsep evolusi monoteisme telah melahirkan dua konsep lain yang seakan dengan monoteisme iaitu henoteisme dan monolatrial. Max Muller (1823-1900) merupakan antara sarjana German terawal yang mencadangkan evolusi perkembangan sesebuah agama menurut sejarah yang melalui fasa politeisme, henoteisme dan kemudian monoteisme (Lindsay Jones, 2005). Konsep henoteisme yang dibawa oleh Max Muller dalam meneliti agama Hindu menurut Rig Veda apabila mereka mengakui kewujudan Tuhan yang banyak di samping Tuhan yang satu yang dikenali sebagai 'single gods'. Beliau membahagikan evolusi agama kepada tiga peringkat. Pertama, apabila manusia mempercayai kepada satu Tuhan akan tetapi pada masa yang sama mereka masih mempercayai Tuhan yang lain yang disebut sebagai henoteistik iaitu kepercayaan Tuhan yang mempercayai kepada satu Tuhan akan tetapi pada masa yang sama mengiktiraf penyembahan Tuhan lain dalam agama lain. Kedua adalah politeistik di mana mereka tidak mampu untuk meluahkan idea yang abstrak. Ketiga, disebabkan

psikologi agama yang mendorong manusia untuk berserah kepada Tuhan yang satu (Forward, 2001).

Benjamin (2009) pula dalam mengupas terminologi monoteisme pada awal pendahuluan bukunya di mana beliau berpendapat monoteisme secara literal sememangnya menyembah Tuhan yang satu. Baginya, sekiranya monotesime itu didefinisikan sekian rupa, setentunya ianya sangat bertentangan dengan kitab suci mereka kerana mereka mengakui akan wujudnya kejadian syurgawi selain daripada YHWH. Kejadian syurgawi ini adalah merujuk kepada malaikat (Numbers 20.16, 2 Samuel 24.16, 1 Kings 13.18, Zechariah 1.11–12, Psalm 78.49, Job 33.23) dan tuhan-tuhan (Psalm 82.6, 86.8; Genesis 6.2; Psalm 29.1, 89.7; Job 1.6) seperti yang tertulis di dalam kitab suci mereka di mana mereka ini mengelilingi YHWH dan menunggu perintahnya. Beliau juga menyebutkan bahawa monoteisme yang bersifat monolatral yang berdiri atas kepercayaan bahawa seseorang penganut yang mempercayai satu Tuhan tetap mengiktiraf Tuhan lain sebagai kuasa yang patut disembah. Monolatral pada pendapat beliau boleh menjadi monolatral monoteisme ataupun monolatral politeisme. Akan tetapi tambahan beliau lagi ianya amat susah untuk membezakan keduanya dan dengan demikian itu beliau hanya menggunakan perkataan politeisme bagi penganut yang menyembah banyak Tuhan.

Mark S. Smith pula melihat sejarah ketuhanan Yahudi dari sudut asimilasi Tuhan El, Baal dan Asherah ke dalam Yahweh. Antara contoh yang dibawa olehnya apabila Yahweh-El dianggap mempunyai isteri yang bernama Asherah. Selain itu, pembahagian harta seperti yang dapat dilihat dalam Deutronamika 32: 8-9 menunjukkan bahawa Yahweh adalah Tuhan lain (Smith, 2001). Beliau jelas mengutarakan konsep monolatri yang dilalui oleh penganut Yahudi dalam memahami konsep Tuhan. Terdapat dua dapatan utama Smith dalam penulisannya. Dapatan pertama berkenaan persamaan dan perbezaan. Pertama mengenai pertumpuan atau persamaan, iaitu pertumpuan pada zaman besi (*iron age*) di mana bersatunya Tuhan dari susur galur keturunan genetik yang sama dengan Yahweh. Kedua mengenai perceraian dan perbezaan yang berlaku pada zaman setelah musnahnya Haikal (*temple*) di mana Yahweh telah dipisahkan dan dibezakan daripada tuhan-tuhan lain dan berlakunya perpindahan (*exile*). Idea kedua pula yang boleh dicerap adalah berkenaan evolusi dan revolusi. Period evolusi pula menunjukkan perjalanan ajaran Yahudi bermula dari politeisme kepada monolatri dan monoteisme. Manakala period revolusi membuktikan pembuangan tuhan-tuhan daripada dikaitkan dengan Yahweh (Smith, 2002).

Jan Assman dalam memperkatakan tentang monoteisme yang mengalami evolusi yang dianggap sebagai tahap akhir politeisme berasal dari Mesopotamia dan Mesir purba. Evolusi ini berlaku bermula dengan penamaan tuhan-tuhan yang disembah membawa kepada persamaan yang terdapat di antara tuhan-tuhan

tersebut dan seterusnya menyatukan beberapa Tuhan yang berbeza dengan menyatukan nama mereka contohnya Amun-Re, Amun-Re-Harakhty, Ptah-Sokar-Osiris, Hathor-Tefnut, Min-Horus, Atum-Khepri, Sobek-Re dan lain-lain lagi. Kemudian, ianya dikembangkan dengan slogan “All gods are one” yang bermaksud ‘semua Tuhan adalah satu’ apabila pantheon (rumah ibadat bagi semua Tuhan) dibina dan menjadikan Marduk sebagai ketua Tuhan. Tuhan-tuhan yang lain bersatu denganNya dan mereka semua dikenali dengan satu nama, Marduk. Akhirnya, kepercayaan kepada Tuhan Tertinggi (Highest God / Supreme God) muncul yang membenarkan terdapat berbilang Tuhan memainkan peranan sebagai Tuhan Tertinggi. Ianya menyumbang kepada lahirnya falsafah relativiti dan universaliti dalam kebenaran agama yang dibawa oleh Stoic (Assmann, 2004).

Pada tahap awal iaitu zaman haikal pertama, untuk menganggap bahawa ajaran Yahudi sebagai monoteisme adalah kurang bertepatan. Terdapat jiran Israel yang juga berkemungkinan mengamalkan konsep monolatral seperti Ammonite, Moabite and Edomite. Kerajaan Moabite merupakan yang terdekat dengan Israel yang terdapat dalam rekod sejarah. Chemosh, Tuhan Moab merupakan Tuhan bangsa lain sama seperti YHWH yang merupakan Tuhan bangsa Israel. YHWH juga ada disebutkan pada batu Moab yang dikenali sebagai Mesha Stela menunjukkan bahawa terdapat ajaran lain pada waktu itu yang juga mengiktiraf YHWH sebagai Tuhan Bani Israel (Andre Lemaire, 2007).

Kedudukan Tuhan Yahweh menjadi monoteisme yang universalistik adalah setelah kehancuran haikal pada 586SM dan kejatuhan kerajaan Judah di bawah kekuasaan Raja Nebukadnesar iaitu pemerintah Babylonia dari Mesopotamia (H. O. K. Rahmat, 1975). Bermulalah pengembaraan mereka dan kemudiannya kerajaan Parsi di bawah pemerintahan Cyrus memberi kelapangan dan pertolongan. Pada waktu inilah dikatakan sifat ketuhanan Yahudi berubah menjadi monoteistik universalistik yang berkemungkinan pengaruh daripada ajaran Zoroaster Parsi. Selain itu, kesedaran bahawa Tuhan Yahweh adalah satu-satunya Tuhan juga semakin kuat menyelinap di kalangan penganut Yahudi. Di antara ayat-ayat yang menunjukkan kekuasaan Tuhan Yahweh merupakan satu-satunya Tuhan banyak terdapat di dalam Isaia 45:18, 45:12, 45:21-22, Deutronomy 4:35, 4:39. Ayat-ayat ini menunjukkan bahawa Tuhan Yahweh telah menjadi Tuhan yang bersifat universal (Andre Lemaire, 2007). Di antaranya adalah seperti berikut:

*“Thus said the Lord, the King of Israel, Their Redeemer, the Lord of Hosts: I am the first and the last, and there is no God but Me”*

*(Isaiah 44:6)*

Ronald E. Clements juga berpendapat bahawa monoteisme tidak berlaku pada tahap haikal pertama di bawah kekuasaan Raja Sulaiman dan Daud. Yang berlaku hanyalah monolatri yang tidak bersifat toleran seperti yang dipaparkan di dalam Deutronomy. Tuhan Yahweh merupakan Tuhan bangsa Yahudi yang mempunyai perjanjian dengan Bani Israel tanpa menafikan kewujudan tuhan-tuhan lain sebelumnya. Adapun monoteisme lahir dengan kemenangan Jerusalem di bawah kekuasaan Daud pada 701SM yang memberikan kepercayaan kuat terhadap penganut Yahudi tentang kekuasaan YHWH ke atas raja Assyria. Seterusnya apabila musnahnya haikal kedua dan penganut Yahudi berada di bawah pemerintahan Parsi (Ronald E. Clements, 2007).

Jean Soler (2007) pula dalam asal usul monoteisme berpendapat bahawa ianya bermula dari bangsa Yahudi dan bukanlah daripada Musa ataupun kitab Bible (Old Testament) kerana pada pendapat beliau ayat ketuhanan yang terdapat dalam Bible menunjukkan keadaan politeisme masyarakat waktu itu di mana dalam mengakui Tuhan yang satu mereka tetap mengakui terdapatnya Tuhan lain. Lebih tepat lagi, ianya bersifat monolatri. Monoteisme dalam ajaran Yahudi bermula hanya selepas kekuasaan Parsi ke atas Babylon yang menumpaskan haikal Sulaiman. Setelah itu, barulah penganut ajaran Yahudi kembali kepada mempercayai Tuhan Yahweh tanpa mengaitkannya dengan sebarang berhala atau Tuhan. Pendapat Jean Soler selaras dengan Christopher A. Rollstone (2003) dengan artikelnya yang bertajuk *'The Rise of Monotheism in Ancient Israel: Biblical and Epigraphic Evidence'* menyimpulkan bahawa kajian ketuhanan Yahudi tidak boleh hanya didasarkan kepada kitab *Old Testament* untuk membuktikan konsep monoteisme dalam ajaran Yahudi. Ini kerana Yahweh pada awalnya hanya dianggap sebagai Tuhan kebangsaan mereka dan kemudiannya diangkat pula menjadi ketua Tuhan bagi tuhan-tuhan lain dan akhirnya barulah diangkat sebagai satu-satunya Tuhan bangsa Israel dan menafikan tuhan-tuhan lain.

Pendek kata, pendapat evolusi monoteisme membuahkan ideologi monolatri dan henoteisme pada tahap awal pembinaan haikal apabila tuhan-tuhan dari suku lain turut disembah oleh masyarakat Israel. Ianya dapat dilihat sebagai sebuah proses dalam perubahan kepada konsep monoteisme yang diwahyukan. Pendapat evolusi yang ekstrim juga seperti Jan Assmann dan Jean Soler melahirkan penafian kepada asal usul monoteisme daripada Nabi Musa dan meletakkannya kepada Akhenetan tidak dapat diterima di mana penyembahannya merupakan penyembahan kepada matahari. Selain itu, evolusi monoteisme juga membawa kepada implikasi relativisme di mana Tuhan dapat diterima mengikut persepsi individu.

## Revolusi

Di dalam konsep revolusi pula kemunculan monoteisme dianggap sebagai berasal daripada Musa yang menerima wahyu dari Tuhannya. Revolusi yang membawa konotasi pembaharuan digarap dengan ajaran Musa yang membawa keluar orang Israel dari kesesatan kepada kebenaran. Di antara ayat yang menyokong teori ini adalah seperti berikut:

*“Afterwards Moses and Aaron went and said to Pharaoh, “Thus says the Lord, the God of Israel: Let my people go that they may celebrate a festival for me in wilderness. But Pharaoh said, “Who is the Lord that I should heed Him and let Israel go? I do not know the Lord nor will I let Israel go.” They answeres, “The God of Hebrew has manifested Himself to us...”*

*(Exodus 5:1)*

William Foxwell Albright (1957) sebagai seorang arkeologis dan ahli sejarah Kristian menemukan data yang menunjukkan di antara 1350-1250SM telah bangkitnya konsep monoteisme. Waktu tersebut bersesuaian dengan wujudnya Akhnetan sebagai penyembah Aten iaitu Tuhan matahari. Kemudian beliau menetapkan pula pada tahun tidak lambat dari 1250SM berlakunya keluaran Musa dari Mesir yang memakan masa selama 40 tahun lamanya. Albright juga meletakkan kesan pensusmeran Mesir terhadap konsep ketuhanan kepada tiga: Pertama, Tuhan sebagai pencipta yang esa (Tuhan Amun Re). Kedua, Tuhan yang esa (Aten). Ketiga, mempunyai kaitan dengan kosmik *deity* (Tuhan Baal). Kesan daripada agama Ibrani ke atas Musa pula dapat dilihat dari tiga sudut: Pertama, hubungan yang rapat antara Tuhan dan penyembah (dengan memberikan nama dan korban). Kedua, hubungan berdasarkan perjanjian (wujudnya *covenant*). Ketiga, manifestasi konsep *deity* seperti ribut dan gunung (penyamaan Yahweh dan Shaddai). Albright dalam meletakkan Musa sebagai pembawa ajaran monoteisme, mengaitkan kesan-kesan daripada budaya Mesir purba yang dilihat sedikit sebanyak memberi kesan kepada ajaran Musa.

Manakala Yehezkal Kaufmann (1960) pula seorang sejarawan biblikal Yahudi yang bertegas mengatakan bahawa sejarah ketuhanan Yahweh merupakan revolusi yang dibawa oleh Musa. Beliau tidak menafikan wujudnya penyembahan bangsa lain di sekitar zaman tersebut. Namun beliau tetap bertegas tentang kemunculan monoteisme yang bermula sejak zaman Nabi Musa. Pendapat beliau jelas seiring dengan William Albright tentang kemunculan monoteisme daripada Musa. Namun, kajian William Albright lebih bersifat arkeologikal.

Walaupun Albright dan Kaufmann mengatakan bahawa Musa sebagai pencetus monoteisme dalam ajaran Yahudi, namun begitu mereka tetap tidak menafikan kewujudan tahap di mana masyarakat Israel pada ketika itu menyembah berhala Kan'an. Ianya dianggap sebagai tempoh yang sementara sahaja memandangkan masyarakat Israel ketika itu dibawa ke bumi Kan'an (Robert Wright, 2009). Namun kedua-duanya tetap menegaskan konsep monoteisme yang berasal daripada Musa daripada dicemari oleh sesetengah pendapat evolusi yang melampau sehingga tidak mengiktiraf langsung kewujudan Musa.

Selain Albright dan Kaufmann, Wilhelm Schmidt seorang paderi dan ahli bahasa serta antropologis juga dianggap sebagai sarjana yang jelas menentang pendapat sarjana evolusi monoteisme. Dalam membahaskan mengenai monoteisme dalam bukunya *The Origin and the Growth of Religion*, beliau berpendapat bahawa asal usul monoteisme telah muncul dalam kalangan orang asli di Australia dan Afrika di mana mereka menyembah Tuhan yang paling agung yang biasanya digelar sebagai *High-God*. Ciri-ciri ketuhanan yang ada setentunya sama dengan apa yang terdapat di dalam Bible (Greg Hanington, 2012). Ini menafikan bahawa konsep monoteisme itu harus bermula dari politeisme sedangkan secara fitrah dan rasional manusia akan lebih tertarik kepada idea mempercayai Tuhan yang satu daripada Tuhan yang ramai.

## **KESIMPULAN**

Secara tuntas, dengan wujudnya penyembahan kepada Tuhan lain ketika Nabi Musa menyeru umat Israel menyembah Tuhan yang satu, secara tidak langsung ajaran Yahudi tidak memenuhi ciri agama monoteisme akan tetapi ianya lebih bersifat monolatral. Konsep ini juga bertentangan dengan konsep monoteisme yang absolut kerana konsep monoteisme bersifat mono dan juga universalistik di mana umat manusia boleh menyembah kepada Tuhan tersebut dan harus menafikan kewujudan serta penyembahan tuhan-tuhan lain. Adapun konsep monolatral ini berkait rapat dengan konsep bangsa pilihan di mana agama yang berdasarkan bangsa dan etnik tidak akan sekali-kali boleh diklasifikasikan sebagai monoteisme. Ianya lebih sesuai diakui sebagai monolatral kerana monolatral menyeru kepada penyembahan satu Tuhan dan dalam masa yang sama membenarkan penyembahan Tuhan lain serta membenarkan penyembahan Tuhan yang satu tetapi dalam bentuk dan cara yang berbeza.

Manakala, kajian sejarah monoteisme yang tebahagi kepada evolusi dan revolusi kedua-duanya mempunyai implikasi yang berbeza. Implikasi daripada evolusi membawa kepada kefahaman asimilasi agama-agama sebelum Nabi Musa dengan agama Nabi Musa sejajar dengan kenyataan Biblikal. Selain itu, polemik yang diomokkan oleh Freud dan kemudiannya Assmann dalam melihat

monoteisme yang bersifat revolusi dari sudut psikohistorikal membawa kepada keganasan dan segala implikasi negatif tidak seharusnya digenerelisasikan. Konsep monoteisme yang dilihat sebagai bersifat eksklusif secara fitrahnya memberi rasa keselamatan yang tinggi kepada sesebuah agama. Namun, sifat eksklusif tersebut tidak seharusnya menutup ruang kepada agama lain yang hidup berdampingannya. Adapun konsep evolusi agama ini membawa kepada implikasi yang lebih negatif apabila pandangan yang ekstrim menolak konsep monoteisme yang dibawa oleh Nabi Musa melalui wahyu dan sebaliknya melihatnya sejajar dari sudut lipatan sejarah kepercayaan pagan.

Adapun, revolusi kurang menekankan tentang agama-agama sekitar agama Nabi Musa dengan mengembalikan fakta sejarah kepada Nabi Musa sebagai bapa monoteisme. Dengan menetapkan revolusi ke atas konsep monoteisme Yahudi, ianya menegakkan lagi konsep agama samawi yang menjelaskan kedatangan Nabi sebagai pembawa kebenaran dan penghapus kezaliman serta membawa manusia kembali kepada menyembah Tuhan yang satu. Secara tidak langsung revolusi monoteisme tidak menafikan kewujudan kepercayaan politeisme bahkan ianya bertindak bagi memurnikan semula kepercayaan yang telah terpesong.

Realitinya pada hari ini, persoalan konsep monoteisme Yahudi sekiranya dilihat dari sudut pecahan sekte Yahudi, golongan ortodoks dan reformis masih lagi mempercayai kepada Tuhan satu yang berkeperibadian. Berbanding dengan konservatif dan *reconstructionist*, mereka lebih ke arah melihat Tuhan yang ideal yang dapat dicapai dan dialami menerusi pengalaman keberagamaan yang harus ditelusuri menerusi fitrah dalaman. Konsep ketuhanan Yahudi berada di antara relativis dan pluralis. Pada hemah penulis, ianya dianggap relativis kerana penganut Yahudi masih tetap dianggap sebagai penganut Yahudi walaupun beliau seorang yang bergelar ateis atau agnostik. Kepercayaan kepada Tuhan terpolung kepada pendapat dan persepsi individu. Manakala ianya boleh dianggap pluralis, apabila mereka menyamakan penyembahan Tuhan yang satu iaitu YHWH dan Allah sebagai penyembahan yang sama hanya berbeza syariat. Selain itu, kedudukan agama lain yang masih menyembah Tuhan yang satu dan mentaati Noachide Commandment masih mendapat keselamatan dari sudut ajaran Yahudi. Di sini dapat dilihat kepercayaan monolatri masih wujud lagi dalam kefahaman mereka terhadap agama lain. Umat Islam seharusnya berwaspada agar tidak terkeliru dengan konsep monoteisme Yahudi.

Kesimpulannya kajian ini mendapati konsep ketuhanan Yahudi dan kaitannya dengan monoteisme haruslah dikaji dengan lebih mendalam lagi agar kekeliruan di antara konsep ketuhanan Islam dan Yahudi dapat dilihat perbezaannya. Kepercayaan kepada Tuhan yang satu dari aspek kepercayaan masa kini dapat dilihat perbezaannya di mana konsep ketuhanan Yahudi sampai ke tahap humanistik. Manakala dari sudut sejarah, nama-nama Tuhan Yahudi



seperti YHWH, Elohim dan Adonai masing-masing bukan sahaja membawa makna yang berbeza tetapi masa yang berbeza menyebabkan pemahaman konsep monoteisme dilihat bergantung kepada zaman nama-nama tersebut digunakan di dalam kitab Bible mereka. Oleh itu, kajian mengenai nama Tuhan dalam Yahudi dan Islam boleh dicerakinkan dengan lebih mendalam dalam kajian seterusnya agar persamaan dan perbezaan dapat dilihat di antara Allah dan YHWH.

## RUJUKAN

- Alkitab. 2011. Jakarta: Lembaga Alkitab Indonesia
- Hebrew-English Tanakh. 1999. Philadelphia: Jewish Publication Society
- Andre Lemaire. 2007. *The Birth of Monotheism: The Rise and Disappearance of Yahwism*. Washington: Biblical Archeology Society
- Barry L. Schwartz. 1991. *Jewish theology*. USA: Behrman House Inc.
- Benjamin. D. S. 2009. *The Bodies of the God and the World of Ancient Israel*. Illinois: Northwestern University.
- Christopher A. Rollstone. 2003. The Rise of Monotheism in Ancient Israel: Biblical and Epigraphic Evidence. *Stone-Campbell Journal*. Pp 95-115
- Forward, M. 2001. *Religion: A Beginner's Guide*. Oxford: Oneworld Publications.
- Greg Hanington. 1992. *Wilhelm Schimdt on the Origin of Religion*. [www.answeringenesis.org](http://www.answeringenesis.org). 8 Sept 2012.
- H. O. K. Rahmat S.H. 1976. *Dari Adam Sampai Muhammad: Sebuah Kajian Mengenai Agama-Agama*. Kelantan: Pustaka Aman Press
- Henry More. 1660. *An Explanation of the Grand Mystery of Godliness*. London: Flesher & Morden.
- Ismail Raji al-Faruqi. 2008. *Islam dan Kepercayaan Lain (Terj)*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad
- J. Phillip Hyatt. 1940. Freud on Moses and the Genesis of Monotheism. *Journal of Bible and Religion*. 8 (2) pp. 85-88P
- James F. McGrath. 2009. *The Only True God: Early Christian Monotheism in its Jewish context*. USA: University of Illinois.
- Jan Assmann. 1997. *Moses the Egyptian: The Memory of Egypt in Western Monotheism*. Cambridge, Mass.: Harvard University
- \_\_\_\_\_. 2004. 'Monotheism and Polytheism' dlm Johnston S. I. (ed). *Religions of The Ancient World: A Guide*. Cambridge: The Belknap Press of Harvard University Press.
- \_\_\_\_\_. 2010. *The Price of Monotheism*. Robert Svage (terj.) Stanford: Stanford University Press.
- Jean Soler. 2007. *Why Monotheism*. Janet Lloyd (terj) *Arion*. 14 (3). Pp. 41-60
- Jean-Luc Nancy. 2004. 'The War of Monotheism: On the Inability of Civilization to Expand: The West Battles Against Itself'. *Cultural Critique*. Spring (57). Pp 104-107.

- Kamar Oniah Kamaruzzaman. 2003. *Islam: A Contemporary Comparative Discourse*. Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Laurel C. Schneider. 2008. *Beyond Monotheism: A theology of multiplicity*. London & New York: Routledge Taylor & Francis Group
- Lindsay Jones. 2005. *Encyclopedia of Religion*. 2<sup>nd</sup> Edition. USA: Thomson.
- Maire Byrne. 2011. *The Names of God in Judaism, Christianity and Islam: A Basis for Interfaith Dialogue*. New York: Continuum International Publishing Group.
- Mark S. Smith M. 2001. *The Origins of Biblical Monotheism: Israel's Polytheistic Background and the Ugaritic Texts*. Oxford: Oxford University Press.
- \_\_\_\_\_. 2002. *The Early History of God: Yahweh and Other Deities in Ancient Israel*. Michigan: Dove Booksellers.
- \_\_\_\_\_. 2001. *Untold Stories: The Bible and Ugaritic Studies in the Twentieth Century*. MA: Hendrickson Publishers
- Mill, J.M. 1957. *Theism*. New York: The Liberal Arts Press.
- Muhammad Abdul Majid Lashin. 2009. *Min Anbaai al-Risaalaat al-Samawiyyah*. Qaherah: Dar al-Aafaq al-Arabiyyah.
- Nancy Roberts. 2011. Trinity vs. Monotheism: A False Dichotomy? *The Muslim World*. 101 (1). Pp 73-93
- Nathan MacDonald. 2004. *Early Christian and Jewish Monotheism*. Loren T. Stuckenbruck & Wendy North (eds). New York: T&T Clark International.
- Noresah Baharom (ed). 2007. *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Robert Wright. 2009. *The Evolution of God*. New York: Little Brown Company.
- Ronald E. Clements. 2007. Monotheism and the God of Many Names. Dlm Robert P. Gordon (ed). *The God of Israel*. UK: Cambridge University Press.
- Rosemary Sweet. 2004. *Antiquaries: The discovery of the Past in Eighteenth-Century Britain*. Britain: Cambridge University Press.
- Slavet, E. 2010. A Matter of Distinction: On Recent Work by Jan Assmann. Association for Jewish Studies.
- William Foxwell Albright. 1957. *From the Stone Age to Christianity: Monotheism and the Historical Process*. New York: Doubleday Anchor Books.
- William L. Reese. 1980. *Dictionary of Philosophy and Religion*. New Jersey: Humanities Press.
- Yehezkel Kaufmann. 1960. *The Religion of Israel: From Its Beginnings to the Babylonian Exile*. Moshe Greenberg (terj). Chicago: The University of Chicago Press.